

**KES PENGHINAAN RAJA-RAJA/YANG DI-PERTUAN AGONG DI MEDIA  
SOSIAL: TINDAKAN DAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG DALAM  
KEBEBASAN BERSUARA**

**Fabli Yusof\***

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa  
Kolej Universiti Islam Melaka  
fabli@kuim.edu.my

**Mohd Suffiean Hassan**

Fakulti Sains Sosial  
Kolej Universiti Islam Melaka  
suffiean@kuim.edu.my

*\*Corresponding author*

---

*Received Date: 25 September 2020 Accepted Date: 2 November 2020 Published Date: 26 December 2020*

---

**ABSTRAK**

Antara hak atau kebebasan asasi yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia ialah hak atau kebebasan bercakap dan bersuara. Namun berlaku penyalahgunaan hak kebebasan ini oleh rakyat Malaysia apabila menggunakan hak kebebasan bercakap dan bersuara ini dengan membuat penghinaan terhadap institusi raja. Isu penghinaan terhadap institusi raja semakin berleluasa tambahan pula dengan adanya aplikasi media sosial dan kajian ini bertujuan meninjau sejauh mana tindakan dan penguatkuasaan undang-undang terhadap penghinaan institusi raja. Kajian ini menerapkan kaedah analisis kandungan media elektronik/surat khabar dalam talian berdasarkan tujuh kes penghinaan raja-raja yang di laporkan dalam media elektronik/surat khabar dalam talian/*online*. Kajian mendapati walaupun undang-undang sudah ditetapkan, namun masih terdapat segelintir rakyat yang melanggar undang-undang dan peraturan tersebut. Kawalan dan proses penguatkuasaan juga semakin sukar dan langkah meningkatkan kesedaran juga perlu ditingkatkan. Undang-undang dan peraturan sedia ada masih belum mencukupi dan undang-undang baru perlu digubal bagi menangani dan membendung perbuatan menghina kedaulatan institusi raja di Malaysia.

**Kata kunci:** Penghinaan Institusi Raja, Hak/Kebebasan Bercakap dan Bersuara, Akta Hasutan, Akta Komunikasi Dan Multimedia 1998.

***INSULTING THE RULES/YANG DI-PERTUAN AGONG IN SOCIAL MEDIA: ACTION AND ENFORCEMENT OF LAW WITH REGARDS TO FREEDOM OF SPEECH***

***ABSTRACT***

*Freedom of speech is part of human rights provided in Federal Constitution of Malaysia. This freedom of speech has been breach and misuse by public when they make a sedition statement and insulting the Rulers and Yang di-Pertuan Agong of Malaysia. Issues of sedition and insulting against Rulers keep increasing and this study aims to explore how far deterrence action and enforcement of law been carried out against the accused. Method of research is content analysis in electronic media/newspaper based on seven cases of insulting of Rulers reported in newspaper online. The study shows that although the laws has been set, but there are still those who violate the rules. Controls and the enforcement process is also increasingly difficult and measures to increase awareness needs to be improved. Existing laws and regulations are still inadequate and new law must be legislated to curb and eliminate the symptoms of insulting the sovereignty of the Royal institution in Malaysia.*

***Keywords:*** *Insulting of The Royal Institution, Freedom of Speech, Sedition Act, Communication And Multimedia Act 1998.*

**PENGENALAN**

Sejarah institusi raja di Malaysia amatlah panjang dan telah mengalami pelbagai peristiwa. Ia adalah sebuah institusi berdaulat yang sangat dihormati dan disanjung sejak berzaman. Selaras dengan penegasan yang dibuat oleh pakar sejarah Prof Datuk Dr Ramlah Adam, institusi raja yang ada sekarang adalah satu warisan yang wujud sejak beribu tahun dahulu (Sinar Harian, 2019). Di Malaysia sistem beraja yang dikatakan sebagai raja berdaulat adalah lambang adat istiadat Melayu yang memaparkan peranan dan nilai sistem beraja dalam perlembagaan dan pemerintahan kita (Aziz, 2008).

Kepentingan untuk mendaulatkan institusi raja lebih terserlah jika kedaulatan itu difahami dari sudut istilahnya. Kedaulatan itu bermaksud kuasa agung. Dari sudut istilah, kedaulatan adalah penguasa agung yang memiliki hak mutlak untuk menetapkan undang-undang dan sistem politik (MAIS, 2019). Namun begitu, penguasa agung boleh mewakili kuasa penggubalan undang-undang kepada entiti lain tanpa memprejudiskan hak mutlaknya itu. Suatu undang-undang dianggap berdaulat sekiranya mematuhi ciri-ciri kedaulatannya. Undang-undang yang berdaulat boleh dikuatkuasakan secara sah oleh sesebuah kerajaan atau Negara; menghadkan kebebasan peribadi dengan kawalan sosial atau melindungi kebebasan peribadi terhadap kawalan sosial. Undang-undang boleh diadakan untuk menghalang dan menghukum salah laku, melindungi dan menguatkuasakan hak-hak, mengekalkan prinsip kedaulatannya, memelihara ketenteraman dan melaksanakan fungsi-fungsi lain.

Walaupun umum mengetahui akan kedaulatan institusi raja berperlembagaan yang diamalkan di Malaysia dan adanya undang-undang yang menjaga dan mengawal kedaulatan institusi raja, namun masih ada segelintir rakyat Malaysia yang menyalahgunakan hak kebebasan bercakap dan bersuara apabila membuat kenyataan yang berbau penghinaan terhadap institusi raja di Malaysia. Mereka mempertahankan hak mereka berbuat demikian dengan menggunakan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 10(1) (a) iaitu:

*“Tiap-tiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara”.*

Masyarakat di Malaysia kian rancak menggunakan medium media sosial membincang tentang kedaulatan institusi diraja terutama berkaitan isu penghinaan institusi raja. Daripada media tradisional seperti akhbar, majalah, telegraf, filem, radio dan televisyen, khalayak kini berhadapan dengan pilihan media baharu yang didorong oleh perkembangan teknologi maklumat (Wan Amizah & Muhammad Adnan, 2017) yang mana dengan kemudahan teknologi terkini mereka lebih bebas menyebarkan penghinaan terhadap institusi raja.

Artikel ini bertujuan membincangkan tentang kawalan dan kebebasan media baharu, khususnya penggunaan media sosial di Internet dan kaitannya dengan institusi Raja Berperlembagaan di Malaysia. Tujuh kajian kes perundangan akan dihuraikan bagi melihat kesan kebebasan media dan bagaimana kerajaan cuba mengawal kebebasan itu demi memastikan kemurnian dan kedaulatan Raja Berperlembagaan tetap terpelihara. Kaedah yang digunakan ialah analisis kandungan daripada laman *Facebook* dan *Twitter* yang telah dilaporkan dalam akhbar tempatan yang mengandungi kesalahan penghinaan terhadap Raja-raja Melayu.

## **HAK KEPADA KEBEBASAN BERCAKAP DAN BERSUARA**

Institusi beraja amat diperlukan terutama dalam konteks skop kebebasan asasi, dalam konteks perpaduan negara dan dalam konteks yang lain pula institusi beraja juga dilihat menyumbang dalam bentuk kemakmuran ekonomi (Shamrahayu A. , 2019). Konsep dan pelaksanaan hak asasi di Malaysia hari ini tidak dapat lari dari menyentuh peruntukan dalam perlembagaan dan undang-undang kerana dokumen inilah yang menjadi asas pelaksanaan dan tuntutan konsep kebebasan ini. Hak untuk berhimpun dan bersuara dinyatakan oleh kebanyakan piagam hak-hak asasi dunia sebagai sesuatu yang lumrah. Hak untuk bersuara sebenarnya bukan barang mewah yang hanya relevan untuk negara-negara maju sahaja (Aziz, 2008).

Di Malaysia kebebasan bercakap adalah satu sistem nilai yang menekankan kepada satu tugas dan juga hak yang perlu kepada keharmonian sosial-politik (Shad Saleem, 2010). Kebebasan bercakap dan bersuara ini dihadkan kepada kata-kata yang tidak menjadi fitnah (*defamation*). Kata-kata yang tidak menjadi hasutan, kata-kata yang tidak mencerca mahkamah, atau kata-kata yang melanggar hak keutamaan parlimen dan dewan negeri (Tun sallah, 2003).

Peruntukan dalam perlembagaan Malaysia secara umumnya difahami bahawa kebebasan bercakap dan bersuara adalah satu kombinasi dalam banyak hak dan bentuk. Komunikasi dengan mulut, bahasa isyarat, simbol, hasil seni, muzik, arca, fotografi, filem, video, buku, majalah dan surat khabar adalah semuanya tergolong dalam kebebasan bercakap dan bersuara. Malah ‘percakapan simbolik’ seperti berpakaian dan berperwatakan juga boleh dikategorikan sebagai suatu hak kebebasan bersuara (Shad Saleem, 2019). Perkara 10 dalam Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:

*“Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan. Fasal (1) Tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4) (a) tiap-tiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara. “*

Seterusnya, terdapat sekatan khusus di dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 10 (4) terhadap keistimewaan Bahasa Kebangsaan, golongan Bumiputera termasuk anak negeri Sabah dan Sarawak, serta Perkara 181 yang menyentuh tentang kedaulatan raja-raja.

*“Perkara 10 Fasal (4) Pada mengenakan sekatan-sekatan demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam di bawah Fasal (2)(a), Parlimen boleh meluluskan undang-undang melarang dipersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III, Perkara 152, 153 atau 181 melainkan yang berhubungan dengan pelaksanaannya sebagaimana yang dinyatakan dalam undang-undang itu.”*

Tahap kefahaman mengenai institusi raja atau raja berperlembagaan dalam kalangan rakyat di negara ini masih rendah. Menurut Prof. Dr Shamrahayu Ab Aziz, beliau percaya ramai dibesarkan dengan fahaman bahawa raja melayu bertindak atas nasihat Perdana Menteri atau Jemaah menteri dan tidak memahami maksud sebenar (Mohd Hafiz, 2019). Akibat dari tidak faham perlembagaan dan membaca peruntukan perlembagaan ini secara literal telah menyebabkan ramai rakyat Malaysia salah faham akan hak kebebasan bercakap dan bersuara ini dan seterusnya melakukan sesuatu pengucapan secara lisan atau media secara sesuka hati mereka tanpa melihat akan peruntukan undang-undang atau akta lain yang menghadkan akan kebebasan tersebut.

Kebebasan bercakap bukan sahaja dikawal dalam ucapan mulut atau dalam surat-menyurat dan tulisan, bahkan juga dalam apa-apa permainan, pertunjukan, keraian atau hiburan. Kebebasan bercakap dan bersuara bukan sahaja boleh dinikmati oleh orang perseorangan tapi juga oleh *legal entity* seperti syarikat, pertubuhan dan badan berkanun jika mereka diperbadankan menurut undang-undang Malaysia. Hak di bawah Perkara 10(1) (a) Perlembagaan Persekutuan adalah tidak hanya tertakluk kepada kebebasan bercakap dan bersuara sahaja tetapi ia menjangkau jauh dalam banyak aspek perundangan (Shad Saleem, 2019).

## **UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL HAK KEPADA KEBEBASAN BERCAKAP DAN BERSUARA DI MALAYSIA**

### **Akta Hasutan 1948**

Antara peruntukan dalam Akta Hasutan 1948 (*Sedition Act*) ialah Tafsiran ‘menghasut’ bermaksud ‘apabila dipakai bagi atau digunakan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain menjadikan perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan lain itu sebagai yang mempunyai kecenderungan menghasut’.

Peruntukan dalam seksyen 3 (1) iaitu:

*“Sesuatu “kecenderungan menghasut” ialah kecenderungan- (a) bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja atau kerajaan.”*

Seterusnya dalam seksyen 3(1)(f) iaitu:

*“ bagi mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogative yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 152, 153 atau 181 Perlembagaan Persekutuan.”*

Maka sesiapa yang melanggar peruntukan diatas boleh dihukum dibawah Seksyen 4 bagi kesalahan pertama didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, bagi kesalahan yang kemudian, boleh dipenjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

### **Akta Fitnah 1957**

Persoalan fitnah menurut undang-undang Malaysia didasarkan kepada apa yang digariskan oleh *common law* Inggeris. Statut berkaitan undang-undang fitnah di Malaysia ialah Akta Fitnah 1957 (*Defamation Act 1957*), tidak mendefinisikan apa yang disebut sebagai fitnah. Dari segi undang-undang, fitnah ialah menghebahkan atau menerbitkan sesuatu pernyataan secara tulisan dan pernyataan yang palsu dan menjatuhkan maruah seseorang tanpa sebab yang dimaafkan di sisi undang-undang (Aziz, 2008). Oleh itu untuk mengawal kata-kata atau penerbitan, satu undang-undang mengenai fitnah amat diperlukan kerana undang-undang tersebut dapat menghalang seseorang itu dari menjadi mangsa fitnah serta dicela, dibenci atau dijauhi dan sebagainya.

Menurut Aziz (2008) antara faktor-faktor yang perlu dibuktikan dalam undang-undang fitnah yang mana perlu dibuktikan di mahkamah sebelum seseorang yang menyaman seseorang yang lain mendapat penghakiman adalah:

- i. Pihak yang menuntut (Plaintif) perlu membuktikan bahawa kenyataan atau siaran yang dibuat oleh pihak kena tuntutan (defendan) itu fitnah.
- ii. Pernyataan itu ditujukan kepada pihak yang menuntut.
- iii. Ia dihebahkan oleh pihak yang kena tuntutan.
- iv. Kenyataan itu palsu. Sekiranya faktor-faktor ini gagal dibuktikan maka tindakan itu akan gagal.

### **Undang-Undang Berkaitan Media Cetak Dan Elektronik**

- i. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998,
- ii. Akta Jenayah Komputer 1997,
- iii. Akta Tandatangan Digital 1997,
- iv. Akta Teleperubatan 1997,
- v. Akta Hak Cipta 1997(pindaan),
- vi. Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007

Walaupun akta-akta seperti di atas agak lewat diperkenalkan, namun Malaysia adalah negara pertama di dunia yang memperkenalkan undang-undang siber yang komprehensif yang mana dengan kewujudan akta-akta tersebut sedikit sebanyak dapat mengawal dan membendung penyebaran berita melalui media elektronik. Menurut Wan Amizah & Muhamad Adnan (2017) ketika ini Malaysia tidak mempunyai teknologi penapisan yang boleh menapis secara aktif kandungan internet atau memiliki undang-undang yang boleh menghadkan atau menapis kandungan internet. Malah peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia (1998)

dengan jelas menyatakan bahawa tiada apa-apa jua dalam akta itu “hendaklah ditafsirkan sebagai membenarkan penapisan internet”. Malah rang undang-undang Jaminan Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia juga menjanjikan tiada penapisan internet.

Perlembagaan Persekutuan juga tiada menyebut berkaitan kebebasan media cetak atau media elektronik. Walaupun tiada peruntukan tersebut di Malaysia dan Singapura, namun terdapat kes-kes berkaitan di India. Antaranya kes *Bennet Coleman v. Union of India (1973) AIR 106; 1973 SCR (2)757*, telah diputuskan bahawa kebebasan bercakap dan bersuara termasuklah kebebasan untuk media cetak. Dalam kes *Romesh Thapper v. State of Madras (1950) AIR 1950 SC 124, SCR 594*, diputuskan bahawa kebebasan media cetak ialah “*species of which freedom of expression is a genus*” (Shad Saleem, 2010).

Di Malaysia, media cetak dikawal oleh Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan 2012). Media cetak dan elektronik sering disalah gunakan oleh masyarakat dalam membincangkan hak kebebasan bersuara. Perlembagaan Persekutuan di gubal pada tahun 1957 yang mana ketika itu belum wujud teknologi siber dan internet. Kemajuan teknologi siber dan internet secara global telah membuka banyak ruang dan aliran informasi. Ini juga telah membuka pintu kepada penyalahgunaan kebebasan bercakap dan bersuara melalui penyalahgunaan kemudahan media elektronik (Shad Saleem, 2019).

Kecanggihan teknologi masa kini turut memberi sumbangan dan impak kepada kemajuan negara dan kesan dari perkembangan teknologi baru ialah semakin banyak elemen baharu akan wujud. Internet mula di terima oleh Malaysia pada tahun 1987 dan seiring dengan itu satu undang-undang baru juga diperkenalkan oleh kerajaan bagi mengawal penggunaan internet dan media (Wan Amizah & Muhammad Adnan, 2017). Di Malaysia terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab yang cenderung menggunakan media sosial dan internet untuk menyatakan ketidakpuasan hati mereka, yang mana sebelum ini pandangan dan komen yang bersifat liar dan menjelikkan biasanya tidak dibenarkan diterbitkan pada media cetak tetapi masyarakat kini berani meluahkan secara dalam talian kerana kesukaran pihak berkuasa mengenali identiti penulis.

Di Malaysia ketika ini, mereka yang menghina institusi raja atau Yang di-Pertuan Agong (YDPA) hanya didakwa di bawah Akta Hasutan 1948 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) melalui Seksyen 233(1)(a) dan Seksyen 233(3). Peruntukkan seksyen tersebut menyatakan:

*“Seksyen 233 (3) “Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga boleh didenda selanjutnya satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan.”*

### **Lain-Lain Akta**

Menurut Kanun Keseksaan, mengeluarkan kata-kata fitnah adalah menjadi kesalahan sivil dan jenayah (Seksyen 500, Akta Kanun Keseksaan). Kata-kata yang mencerca boleh diadukan ke mahkamah oleh pihak yang terlibat dengan kata-kata itu atau oleh Peguam Negara. Manakala Seksyen 14 Ordinan Kesalahan Kecil 1955, telah menetapkan bahawa adalah menjadi kesalahan jika seseorang mengeluarkan kata-kata yang mencaci dan memberi malu kepada seseorang yang dengan kata-kata itu mungkin akan berlaku pergaduhan.

## **KAJIAN KES-KES DAN LAPORAN PENGHINAAN RAJA-RAJA DI MALAYSIA**

Data dari tujuh laman *facebook* yang menjadi ruang menghina kedaulatan sultan dan institusi raja di Malaysia digunakan dalam kajian ini. Data-data ini dianalisis melalui kaedah analisis kandungan. Cabaran masa kini yang dihadapi oleh institusi beraja ialah penghinaan terhadap institusi raja yang mana kebebasan bercakap dan bersuara disalahgunakan oleh segelintir masyarakat dengan memuat naik cemuhan dan penghinaan di dalam media sosial (Hafizah, 2019).

Penghinaan secara terbuka kepada institusi raja telah menimbulkan pelbagai reaksi dan terdapat sokongan untuk pertahankan institusi raja. Justeru penting diambil langkah untuk membendung perbuatan menghina institusi raja secara terbuka (Mohd Ayob, 2015) kerana ianya menggugat institusi raja yang menjadi penaung kepada masyarakat Malaysia selama ini.

Beberapa kes dibincangkan dalam perenggan berikut yang berkaitan dengan perbuatan penghinaan terhadap YDPA dan institusi raja di Malaysia yang dilaporkan oleh akhbar dalam talian.

### **Kes 1. Suri Rumah Hina Yang di-Pertuan Agong Melalui Laman *Facebook* (Vivi Sumanti, 2018)**

Pada 25 Mac 2018, Astro Awani melaporkan tertuduh seorang suri rumah bernama Shamsiah Samsuddin berumur 44 tahun telah dijatuhi hukuman penjara 8 bulan oleh Mahkamah Sesyen Kota Bharu kerana menghina Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V menerusi laman sosial Facebook. Menurut pertuduhan yang dibacakan terhadap tertuduh di mahkamah tersebut, pada 25 April 2017, tertuduh didapati telah menggunakan perkhidmatan aplikasi melalui profil Facebook dengan menggunakan nama "*Tengku Cik Puan Muda Shamsiah*" secara sedar telah membuat dan memulakan penghantaran komunikasi yang palsu sifatnya dengan niat menyakitkan hati orang lain telah dibaca pada 26 April 2017 jam lebih kurang 2.11 petang di pejabat Sentosa Jaya Jalan Padang Bogor, Kota Bharu. Mahkamah menetapkan hukuman bermula dari tarikh tertuduh dituduh pada 14 Februari 2018

Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman tersebut mengikut Seksyen 233 (1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya dan juga boleh didenda RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

### **Kes 2: Doktor Pelatih Didakwa Kerana Menghantar Komen Jelik Melalui Laman Facebook (Siraj, 2018).**

Berita Harian yang bertarikh 15 Februari 2018 telah melaporkan seorang doktor pelatih bernama Mohd Faiz Mohd Yusop berumur 29 tahun telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Klang atas pertuduhan membuat dan memulakan penghantaran jelik melalui akaun laman sosial Facebook miliknya yang membabitkan Yang di-Pertuan Agong kira-kira jam 6 petang pada 16 Disember 2016.

Menurut pertuduhan yang dibacakan di Mahkamah tersebut, tertuduh secara sedar telah memulakan penghantaran komunikasi yang bersifat jelik dengan niat menyakitkan hati orang

lain dan komen yang menjelikkan itu telah dibaca pada tarikh yang sama pada kira-kira 10.45 malam di sebuah restoran Jalan Permai 1A, Taman Kota Pendamar, Pelabuhan Klang.

Tertuduh menghadapi pertuduhan mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang mana jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda maksimum RM50,000 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya. Tertuduh yang tidak diwakili peguam pada ketika itu telah membuat pengakuan tidak bersalah dan minta dibicarakan. Mahkamah telah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM 7000 dengan seorang penjamin.

### **Kes 3. Peniaga Hina Yang di-Pertuan Agong Melalui *Facebook* (Amin Ridzuan, 2019)**

Pada Februari 2019, Berita Harian telah menyiarkan berita seorang peniaga yang menggunakan nama '*Desmond Yongkor*' di Facebook disiasat mengikut Akta Hasutan 1948 dan didakwa telah menghina Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Tertuduh telah ditahan polis untuk siasatan. Menurut Ketua Polis Pahang ketika itu, Datuk Mohd Zakaria Ahmad, tertuduh seorang lelaki berusia 45 tahun telah ditahan di Kuantan dan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Temerloh kerana laporan polis dibuat di Temerloh. Menurut Datuk Mohd Zakaria lagi, Kertas siasatan telah dibuka mengikut Akta Hasutan 1948 dan segala dapatan diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan susulan. Seterusnya orang ramai dinasihatkan tidak bertindak sendiri atau di luar undang-undang dan menghormati Yang di-Pertuan Agong serta Institusi Raja-Raja yang seharusnya dihormati segenap lapisan masyarakat.

Menurut Ketua Polis Pahang lagi, beberapa pengguna media sosial dikesan mengeluarkan kenyataan menghina Al-Sultan Abdullah sempena istiadat melafaz sumpah memegang jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16 di Istana Negara, Kuala Lumpur, sehingga membangkitkan kemarahan orang ramai. Antaranya ialah tertuduh terbabit didakwa telah menulis di ruangan komen dengan kenyataan menghina gambar Al-Sultan Abdullah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

### **Kes 4. Wan Ji Didakwa Kerana Menghina Sultan Selangor Melalui Laman *Facebook* (Tuan Buqhairah, 2019)**

Pada 9 Julai 2019, Sinar Harian melaporkan seorang penceramah bebas, Wan Ji Wan Hussin telah didakwa mengikut Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 kerana menerbitkan perkataan menghasut terhadap Sultan Selangor pada jam 10 pagi 5 November 2012 termasuk membabitkan isu agama dalam laman sosial *Facebook* dengan nama *wanji.attaaduddi*. Kesalahan itu dilakukannya di Pejabat Perumahan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Tingkat 5, Bangunan Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah, Seksyen 5. Tertuduh dijatuhi hukuman setahun penjara atas kesalahan tersebut oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam.

Yang Arif Hakim, Datuk Abdul Halim Aman setelah memberi pertimbangan terhadap rayuan silang pihak pendakwaan. Dalam menjatuhkan hukuman, Yang Arif Hakim menyatakan:

*“Setelah menimbang faktor mitigasi dan keseriusan kes, mahkamah dengan ini meminda hukuman sembilan bulan yang dijatuhi oleh hakim mahkamah sesyen kepada penjara bagi tempoh satu tahun dan hukuman itu berkuatkuasa hari ini”*



Seterusnya Yang Arif Hakim dalam ringkasan penghakimannya berkata, penerbitan kata-kata itu (kata-kata menghasut) adalah satu penghinaan terhadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Menurut Yang Arif Hakim lagi, apa yang diterbitkan daripada penerbitan itu bukan sahaja sesuatu yang menghasut malah ia cuba menanam sifat kebencian rakyat terhadap Institusi Raja- Raja.

*“Terhadap apa yang dinyatakan tertuduh (Wan Ji) ini seperti mana tertera dalam pertuduhan, saya mendapati ianya adalah sesuatu yang sudah terang lagi bersuluh. Ini adalah satu tindakan yang melampaui batasan, kita kena ingat kepada prinsip Rukun Negara iaitu Kesetiaan Kepada Raja-raja. Walaupun sebagai warganegara kita diberi banyak kebebasan, namun ia ada had dan ia masih tertakluk kepada undang-undang dan normal kehidupan”*

Yang Arif Hakim turut mengingatkan bahawa satu lagi prinsip Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan. Bukan sahaja penghormatan wajar diberikan, malahan wajar diutamakan kerana kehidupan dirangkumi oleh adab dan tatasusila yang sering menjadi amalan terutama dalam situasi DYMM Sultan adalah ketua agama Islam dan sultan adalah payung negeri tempat rakyat bernaung dibawahnya.

Dalam kes ini, Wan Ji, menerusi peguamnya, Mohd Radzlan Jalaludin telah memohon penangguhan pelaksanaan hukuman atas alasan akan memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan. Yang Arif Hakim telah memerintah peguam tertuduh memfailkan permohonan penangguhan tersebut secara rasmi.



Rajah 1: Gambar dari: (SabahKini2, 2019)

### **Kes 5: Suami Isteri Hina Yang di-Pertuan Agong Melalui Laman *Twitter* Digantung Kerja (Rahmat, 2019)**

Pada 8 Januari 2019, Harian Metro telah melaporkan sepasang suami isteri yang melemparkan komen biadap terhadap institusi diraja telah menerima hukuman apabila digantung kerja sementara oleh majikan masing-masing. Tindakan tersebut diambil oleh firma tempat mereka

### ***Kes Penghinaan Raja-Raja/Yang Di-Pertuan Agong di Media Sosial: Tindakan dan Penguatkuasaan Undang-Undang dalam Kebebasan Bersuara***

bekerja kerana kedua-dua suami dan isteri tersebut telah menjejaskan reputasi firma berkenaan kerana dianggap sebagai menggajikan pekerja yang tidak beretika.

Kenyataan menghina tersebut dibuat selepas Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V, mengumumkan peletakan jawatan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong. Petikan Komen yang menjejaskan itu boleh dilihat melalui rajah 2 di bawah. Walaupun dalam kes ini sepasang suami isteri tersebut belum lagi didakwa di mahkamah, tetapi pihak majikan masing-masing telah mengambil tindakan sedemikian sebagai menunjukkan mereka adalah warganegara yang menghormati amalan budaya rakyat Malaysia serta mengamalkan prinsip rukun Negara iaitu Kesetiaan kepada raja dan negara serta kesopanan dan kesusilaan.



Rajah 2: Petikan komen menjejaskan melalui *Twitter*

### **Kes 6. Pekebun Mengaku Bersalah Menghina Yang di-Pertuan Agong Melalui Laman *Facebook*** (Nur lela, 2019).

Sinar Harian yang bertarikh 8 April 2019 telah melaporkan Seorang pekebun telah didakwa menghina Yang di-Pertuan Agong di laman sosial Facebook. Tertuduh, Sharil Mohd Sarif berumur 36 tahun telah membuat pengakuan bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen M.M Edwin Paramjothy pada sebutan semula kes.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melalui perkhidmatan aplikasi Facebook dengan menggunakan laman profil Facebook “Sharil Chain”, secara sedar membuat dan memulakan penghantaran komunikasi yang jelik, berserta sekeping gambar senarai Yang di-Pertuan Agong, dengan niat untuk menyakitkan hati orang lain. Pautan itu kemudian dibaca di Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Tingkat 27, Menara KPJ, Wangsa Maju, di sini pada 11.30 pagi, 13 Mac 2019.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 233(3) akta sama memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara sehingga setahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga didenda selanjutnya RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan.


Dalam kes ini, Timbalan Pendakwa Raya Muhamad Asyraf Md Kamal telah memohon hukuman pemenjaraan berat dan denda selepas mengambil kira kesalahan serius tertuduh kerana mencabuli Perlembagaan Persekutuan dengan mengeluarkan kenyataan menghina dan cacian terhadap Yang di-Pertuan Agong kerana ia bersifat menyerang karakter peribadi kerana Yang di-Pertuan Agong bukan rakyat biasa tetapi ketua negara di bawah Perlembagaan Persekutuan.

### **Kes 7: Eric Liew Menghina Yang di-Pertuan Agong Melalui Laman Facebook** (Nur Lela, 2019).

Pada 11 Februari 2019, Harian Metro melaporkan, Liew Chee Ling berumur 46 tahun, bekas pengurus pemasaran syarikat keselamatan swasta telah didakwa di Mahkamah Siber, Kuala Lumpur atas pertuduhan menghina Yang di-Pertuan Agong Ke-15, Sultan Muhammad V. Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa mengeluarkan kenyataan yang disifatkan menghina Sultan Muhammad V melalui laman Facebook 'Eric Liew' pada 7 petang hingga 9 malam di Pejabat Unit Siasatan Jenayah Terkelas, D5, Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur, pada 6 Januari 2019. Kenyataan itu didakwa dimuat naik secara sedar dan memulakan penghantaran komunikasi secara jelik dengan berniat untuk menyakitkan hati orang lain. Tertuduh didakwa menghina Yang di-Pertuan Agong di media sosial dan didakwa mengikut Seksyen 233 (1) (a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Walaupun bagaimanapun, tertuduh iaitu Liew Chee Ling mengaku tidak bersalah dan minta untuk dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Edwin Paramjothy Michael Muniandy. Dalam kes ini, Timbalan Pendakwa Raya, Muhamad Asyraf Kamal telah mencadangkan jaminan RM20,000 kerana ia membabitkan kos berprofil tinggi selain membuktikan bahawa mahkamah memandang serius berhubung kes sedemikian. Tertuduh melalui peguamnya telah membuat rayuan pengurangan jaminan dan telah dipersetujui oleh Mahkamah dan membenarkan tertuduh diikat jamin RM 8,000 dengan seorang penjamin. Kes telah ditetapkan untuk sebutan semula pada 26 Mac 2019.

Komen Eric Liew dalam *facebook* beliau terhadap YDPA boleh dilihat pada rajah 3 di bawah.



Rajah 3: Petikan komen menjelekan melalui *Facebook* (Syaida, 2019)

## PERBINCANGAN

Beberapa undang-undang berkaitan kesalahan fitnah, hasutan, jenayah dan komunikasi telah digubal dan diwartakan di Malaysia. Persoalannya adakah penguatkuasaan terhadap undang-undang tersebut dapat dilaksanakan? Perbuatan menghina institusi raja di Malaysia ibarat tiada kesudahan. Media sosial sering kali dijadikan tempat untuk meluahkan perasaan tidak puas hati terhadap institusi raja. Masyarakat Malaysia pula didapati mula sedar akan kepentingan menghormati institusi raja dan telah mengambil inisiatif melaporkan perbuatan penghinaan tersebut kepada pihak berkuasa. Seterusnya, pihak berkuasa juga telah menjalankan siasatan terhadap laporan yang di terima dan beberapa individu telah di dakwa di mahkamah.

Merujuk kepada ketujuh-tujuh kes di atas, didapati enam kes di atas telah dibawa ke mahkamah untuk pendakwaan manakala satu kes lagi belum dibawa ke mahkamah tetapi hanya diambil tindakan oleh pihak majikan sahaja atas dasar menghormati etika serta rukun Negara. Berdasarkan enam kes tersebut didapati bahawa masyarakat Malaysia masih ramai yang belum faham erti sebenar kebebasan bersuara yang di benarkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Kebebasan bersuara yang dibenarkan oleh Perlembagaan adalah tertakluk kepada beberapa undang-undang lain yang sudah digubal oleh Parlimen sebelum ini. Namun demikian, undang-undang yang sedia ada didapati tidak cukup untuk mencegah perbuatan penghinaan terhadap institusi raja dan YDPA.

Dari kes yang dikaji di atas didapati hanya dua akta sahaja yang digunakan untuk mendakwa pesalah dalam menghina institusi raja iaitu Akta hasutan 1948 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Manakala Kanun Keseksaan dan Akta Fitnah tidak digunakan untuk mendakwa pihak tertuduh kerana tiada peruntukan kesalahan yang tepat yang dapat digunakan oleh pendakwa bagi kes penghinaan YDPA. Ini menunjukkan masih banyak kekurangan peruntukan undang-undang yang boleh digunakan untuk mendakwa orang yang menghina YDPA.

Akta Hasutan 1948, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan undang-undang sedia ada dilihat tidak cukup menangani isu menghina institusi raja untuk jangka panjang kerana tahap hukuman yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah dilihat tidak cukup menggerunkan pesalah. Akibatnya masyarakat tidak melihat hukuman itu sebagai satu pencegahan atau hukuman yang cukup berat bagi menyekat atau menghalang masyarakat dari terus melakukan penghinaan terhadap institusi raja. Oleh yang demikian, undang-undang khusus yang lebih tegas dalam memperjelaskan lagi maksud kata-kata yang menghina serta mengandungi hukum yang lebih berat amat perlu digubal bagi menangani sebarang penghinaan terhadap institusi raja. Akta Hasutan sekarang ini yang digunakan untuk menahan pesalah masih dilihat tidak cukup atau mampu untuk menangani isu tersebut untuk jangka panjang.

Menurut Prof Nik Ahmad Kamal, penganalisis politik dan pensyarah undang-undang, selama ini undang-undang yang dikuatkuasakan oleh kerajaan Malaysia untuk mendakwa penghina institusi raja adalah Akta Hasutan 1948, namun memerlukan beban bukti yang kukuh seperti kata-kata yang mempunyai kecenderungan untuk menghasut dan ia merupakan satu standard yang perlu dibuktikan. Oleh yang demikian, satu undang-undang baru sangatlah diperlukan bagi menjelaskan maksud menghina iaitu adakah kata-kata itu terjumlah kepada menghina atau tidak. Perkara ini amat penting bagi membantu pendakwa raya dan orang ramai supaya lebih jelas maksud kepada kata-kata penghinaan (Zin, 2019). Hal ini juga turut ditegaskan oleh Prof. Dr Shamrahayu Abd Aziz yang mana, Akta Hasutan 1948 yang ada

sekarang ini amatlah belum cukup kuat untuk mendakwa mereka yang menghina institusi beraja di negara ini (Astro Awani, 2019).

Seterusnya Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad pernah menegaskan bahawa undang-undang iaitu Akta Hasutan perlu dikaji semula bagi menentukan apa yang dianggap sebagai kenyataan menghina. Pada pendapat beliau, sekarang ini rakyat tidak tahu apa itu menghina dan pihak berkuasa sendiri kurang arif tentang apa yang boleh dianggap menghina dan apa yang tidak dianggap menghina (Ali Nufae, 2019). Begitu juga menurut Datuk Sri Ismail Sabri Yaakub Ahli Parlimen ketika itu yang turut mengesakan kerajaan supaya membendung provokasi terhadap agama Islam, penghinaan terhadap Yang di-Pertuan Agong dan raja Melayu serta isu perkauman dan seterusnya perkara ini tidak dibiarkan dan perlu diberi perhatian serius oleh kerajaan (Rohaizad, Mohd Nasaruddin, & Ahmad Suhael, 2019)

Dalam menangani isu penghinaan ini, masih terdapat banyak kepincangan dan terdapat pengamal undang-undang dan pakar sejarah menggesa supaya individu yang didapati bersalah menghina institusi raja dikenakan hukuman lebih berat, termasuk penjara mandatori. Untuk melaksanakan hukuman yang lebih berat atau mandatori ini memerlukan penggubalan akta baru yang khusus kerana perbuatan menghina raja atau sultan tidak sama dengan menghasut yang termaktub di bawah akta sedia ada. Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem raja berperlembagaan yang mana raja diletak sebagai kuasa tertinggi khususnya dalam hal ehwal agama Islam, maka perbuatan yang terjumlah kepada penghinaan terhadap institusi raja merupakan satu kesalahan yang amat besar, sangat serius dan tidak boleh dipandang remeh (Rozais, 2019).

Banyak pihak telah memberi cadangan supaya satu undang-undang baru yang lebih keras hukumannya digubal bagi menangani dan menghukum pesalah yang menghina raja. Antara cadangan tersebut telah disuarakan oleh Setiausaha Agung Perkasa, Syed Hassan Syed Ali iaitu pelaksanaan hukuman yang lebih tegas perlu bagi mempertahankan dan melindungi institusi Raja Berperlembagaan. Menurut Syed Hassan lagi, dalam Persidangan Agung Perkasa 2018 lalu turut meluluskan usul menggesa Akta Anti Islam dan Anti Raja-raja Melayu (AMIRA). Antara cadangan hukuman yang berikan oleh akta tersebut ialah hukuman mandatori penjara dan rotan seperti mana yang diamalkan di Negara Thailand (Nurul Huda, 2019).

Walaupun cadangan-cadangan telah diberikan, namun kerajaan belum bersedia untuk menggubal undang-undang sedemikian. Menurut Menteri Dalam Negeri ketika itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin, peruntukan di bawah akta-akta sedia ada dilihat memadai maka Undang-undang untuk mengekang penghinaan raja seperti *Lese Majeste* di Thailand difikirkan masih belum sesuai untuk dilaksanakan di negara ini. Peruntukan dalam Akta Hasutan akan diteliti dan ada cadangan untuk dimasukkan di bawah Kanun Keseksaan. Menurut beliau lagi, Walaupun ada usaha dibuat di peringkat Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk meneliti undang-undang yang sedia ada sama ada perlu diperkukuhkan lagi, setakat ini tidak lagi dibincang keperluan sesuatu akta seperti di Thailand (Fadzil, 2019). Seterusnya Prof Dr.Nik Ahmad Kamal juga mencadangkan bahawa Konsep *lese majeste* mungkin perlu diubahsuai bersesuaian dengan institusi raja di negara ini. Persoalan yang mungkin timbul disini ialah *Lese majeste* boleh dibuat tapi adakah ia benar-benar diperlukan, kerana kedudukan raja di Malaysia bukan seperti di Thailand. Bagaimanapun, undang-undang baru dengan hukuman lebih berat memang diperlukan untuk melindungi kesucian institusi raja (Zin, 2019).

## **PENUTUP**

Kebebasan bercakap dan bersuara adalah hak kebebasan yang hangat diperjuangkan di serata dunia di era siber ini. Perjuangan hak kebebasan ini amat ketara diperjuangkan di dunia barat dan merebak hingga ke Malaysia. Rakyat Malaysia terdiri dari berbilang kaum dan sudah tentu berbilang budaya dan adat resam. Namun demikian Malaysia telah mempunyai undang-undang yang boleh mengawal akan kebebasan bercakap dan bersuara. Walaupun terdapat undang-undang yang mengawal akan kebebasan tersebut, masih juga berlaku penularan penghinaan terhadap institusi raja atas dasar hak untuk bercakap dan bersuara. Ini menjadikan undang-undang sedia ada dilihat sebagai kurang berkesan dalam menangani dan membendung gejala penghinaan terhadap institusi raja. Tambahan pula undang-undang seperti Akta Hasutan 1948 dan Akta fitnah 1957 adalah undang-undang yang digubal sebelum merdeka dan agak ketinggalan dalam arus perdana dan perlu kepada pindaan untuk menangani situasi sekarang. Justeru itu satu undang-undang baru amat perlu digubal segera bagi menghukum penghina institusi raja yang mana individu yang didapati bersalah menghina institusi raja boleh dikenakan hukuman lebih berat, termasuk penjara mandatori supaya ia menjadi pengajaran dan teladan kepada masyarakat Malaysia.

Keperluan kepada penggubalan akta baru yang khusus amatlah perlu kerana menghina raja atau sultan tidak sama dengan menghasut yang termaktub di bawah akta sedia ada. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem raja berperlembagaan yang meletakkan raja sebagai kuasa tertinggi khususnya dalam hal ehwal agama Islam, penghinaan kepada institusi raja merupakan satu kesalahan besar dan tidak boleh dipandang remeh. Seterusnya penguatkuasaan undang-undang perlulah dititik beratkan dan dikemaskini bagi memastikan setiap undang-undang yang sedang berkuat kuasa dan yang akan diluluskan dapat dikuatkuasakan dengan lebih berkesan.

## **RUJUKAN**

- Ali Nufae, N. L. (2019, January 10). *(Ali Nufae l& Noah Lee 2019-01-10 www.benarnews.org 2019-01-10)* . Retrieved from (Ali Nufae l& Noah Lee 2019-01-10 www.benarnews.org 2019-01-10)
- Amin Ridzuan, I. (2019, February). 20. *https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/02/526931/peniaga-hina-yang-di-pertuan-agong-disiasat-mengikut-akta-hasutan-1948*. Retrieved from *https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/02/526931/*
- Astro Awani. (2019, February 4). *https://www.astroawani.com/video-malaysia/akta-hasutan-1948-belum-cukup-kuat-362286*. Retrieved from *https://www.astroawani.com/video-malaysia/*
- Aziz, B. (2008). *Perlembagaan Malaysia Asas-Asas Dan Masalah*. . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz, B. (2008). *Perlembagaan Malaysia: Teori & Praktis*. Shah Alam, Selangor: Arah Publication.
- Fadzil, Z. (2019, April 1). *https://www.utusan.com.my/berita/parlimen/belum-cadang-perkenal-undang-undang-hina-raja-seperti-thailand-1.873917 01 April 2019*. Retrieved from *https://www.utusan.com.my/berita/parlimen/belum-cadang-perkenal-undang-undang-hina-raja-seperti-thailand-1.873917*
- Hafizah, I. (2019, Oktober 24). *Raja Perlis tegur golongan guna teknologi hina institusi diraja*. Retrieved from Bh Online: *https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/10/621055/raja-perlis-tegur-golongan-guna-teknologi-hina-institusi-diraja*

- MAIS, B. K. (2019, Disember 3). *Kepentingan Mendaulatkan Institusi Raja*. Retrieved from Majlis Agama Islam Selangor: <http://www.mais.gov.my/kepentingan-mendaulatkan-institusi-raja-malaysia/>
- Malaysiakini. (2012, Mei 30). *Nizar disiasat berhubung isu bidaan WWW1*. Retrieved from Malaysiakini: <https://www.malaysiakini.com/news/199430>
- Mohd Ayob, A. R. (2015, Mac 7). *Kedaulatan institusi Raja mesti dipertahan*. Retrieved from Bh Online: <https://www.bharian.com.my/node/39132>
- Mohd Hafiz, I. (2019, Januari 31). *Ramai tak faham maksud raja berperlembagaan*. Retrieved from Sinar Harian Online: <https://www.sinarharian.com.my/article/10589/BERITA/Nasional/Ramai-tak-faham-maksud-raja-berperlembagaan>
- Nur Iela, Z. (2019, april 8). 25. *https://www.sinarharian.com.my/article/22420/BERITA/Mahkamah/Pekebun-mengakui-bersalah-hina-Agong-di-Facebook*. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/22420/BERITA/>
- Nur Lela, Z. (2019, February 11). *https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/02/421836/eric-liew-didakwa-hina-agong-metrotv*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/02/421836/>
- Nurul Huda, H. (2019, Januari 9). *Hina raja, Perkasa cadang hukuman rotan*. Rahmat, M. F. (2019, January 8). *https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/01/409996/suami-isteri-hina-agong-digantung-kerja*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/01/409996/>
- Rohaizad, I., Mohd Nasaruddin, P., & Ahmad Suhael, A. (2019, mac 13). *Rohaniza Idris; Mohd Nasaruddin Parzi dan Ahmad Suhael Adnan* [www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03](http://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03). Retrieved from [www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03](http://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03)
- Rozais, A. A. (2019, January 11). *https://alhijrahnews.com/2019/01/11/menghina-raja-tidak-boleh-diperemeh/*. Retrieved from <https://alhijrahnews.com/2019/01/11/menghina-raja-tidak-boleh-diperemeh/>
- SabahKini2. (2019, 2019 7). *https://sabahkini2.com/en/news/2081/video-ustaz-pkr-wan-ji-*. Retrieved from <https://sabahkini2.com/en/news/2081/video-ustaz-pkr-wan-ji->  
<https://sabahkini2.com/en/news/2081/video-ustaz-pkr-wan-ji->
- Shad Saleem, F. (2010). *Document of Destiny*. Kuala Lumpur: Star Publications.
- Shad Saleem, F. (2019). *Our Constitution*. Kuala Lumpur: Sweet&Maxwell.
- Shamrahayu, A. (2019, Januari 15). *Institusi diraja identiti sistem pentadbiran negara*. Retrieved from astroawani.com: 17. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/institusi-diraja-identiti-sistem-pentadbiran-negara-dr-shamrahayu-196043>
- Sinar Harian. (2019, Oktober 8). *Hina islam*. Retrieved from Sinar Harian: <http://www.sinarharian.com.my>
- Siraj, M. Z. (2018, Februari 15). *Doktor pelatih didakwa hantar komen jelik*. Retrieved from Bh Online: <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/02/389006/doktor-pelatih-didakwa-hantar-komen-jelik>
- Syaida, i. (2019, Januari 7). *https://lobakmerah.com/saya-harap-mereka-dapat-memaafkan-saya-akibat-menghina-ydp-agong-eric-liew-terima-padah-bakal-dibuang-kerja/*. Retrieved from <https://lobakmerah.com/saya-harap-mereka-dapat-memaafkan-saya-akibat-menghina-ydp-agong-eric-liew-terima-padah-bakal-dibuang-kerja/>
- Tuan Buqhairah, M. A. (2019, Julai 9). *sinarharian.com.my/article/36642 9 Julai 2019) Wan Ji didakwa kerana menghina Sultan*. Retrieved from [sinarharian.com.my/article/36642 9 Julai 2019](http://sinarharian.com.my/article/36642 9 Julai 2019) : [sinarharian.com.my/article/36642](http://sinarharian.com.my/article/36642)

***Kes Penghinaan Raja-Raja/Yang Di-Pertuan Agong di Media Sosial: Tindakan dan Penguatkuasaan Undang-Undang dalam Kebebasan Bersuara***

Tun salleh, A. (2003). 5. *Prinsip perlembagaan dan pemerintahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Vivi Sumanti. (2018, Mac 25). *Suri rumah dipenjara lapan bulan hina Agong*. Retrieved from Astroawani: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/suri-rumah-dipenjara-lapan-bulan-hina-agong-171334>

Wan Amizah, W. M., & Muhammad Adnan, P. (2017). Media Baharu dan Institusi Raja di Malaysia: Kes Penghinaan Raja-Raja di Media Sosial. *Jurnal (Komunikasi Malaysian Journal of Communication Jilid 33(1)*, 406-422. Zin, O. (2019, february 4).

**Rujukan Statut**

Akta Fitnah 1957

Akta Hasutan 1948

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588)

Seksyen 500, Kanun Keseksaan